

AKHBAR : BERITA HARIAN
 MUKA SURAT : 4
 RUANGAN : NASIONAL

Laporan Ketua Audit Negara

KKM tambah baik prosedur urusan perolehan

Johor Bahru: Kementerian Kesihatan (KKM) akan menambah baik prosedur dalam urusan perolehannya selepas ini bagi memastikan tiada lagi ketirisan dan pembaziran dana awam, kata menteri, Dr Zaliha Mustafa.

Katanya, teguran kepada Kementerian seperti dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) akan diteliti dengan aspek yang didapati mengandungi kelemahan, akan dilaksanakan penambahbaikan.

"KKM akan melihat perkara yang boleh ditambah baik, terutama dalam perolehan yang

dibuat Kementerian selepas ini. Kita lihat juga apa yang telah kita dengar sebelum ini termasuk laporan yang sudah dibentangkan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC).

"KKM bukan hanya melihat atau mahu pilih mana-mana kesilapan atau kesalahan, tetapi untuk mengeluarkan cara yang terbaik, lebih berintegriti dalam memastikan tiada ketirisan di pihak kerajaan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Wellness Hub Hospital Sultanah Aminah (HSA), yang pertama yang diwujudkan di fasiliti

hospital KKM di negara ini, di sini semalam.

Yang turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan Johor, Ling Tian Soon; Ketua Setiausaha KKM, Datuk Harjeet Singh dan Pengarah Kesihatan Johor, Datuk Dr Aman Rabu.

Khamis lalu, LKAN 2021 mengenal pasti 1.10 juta vaksin COVID-19 sudah tamat tempoh antara satu hingga 212 hari membabitkan jenama Cansino, Comirnaty dan AstraZeneca.

Setakat April 2022, KKM membelanjakan RM4.462 bilion daripada RM5.577 bilion peruntukan bagi perolehan 75.88 juta dos vaksin terdiri daripada vaksin Comirnaty, AstraZeneca, CoronaVac dan Convidecia. Jumlah keseluruhan vaksin yang diterima adalah 82.85 juta dos.

Selain itu, bekalan vaksin turut diperolehi daripada kerajaan negeri, pembelian oleh pihak swasta dan sumbangan dari negara luar. Namun, LKAN menyebut nilai dos vaksin yang sudah luput tempoh penggunaannya dibeli melalui perolehan kerajaan, tidak dapat ditentukan pihak Audit.

LKAN 2021 turut mendedahkan sebanyak 93 daripada 136 unit ventilator yang dibekalkan syarikat kepada fasiliti KKM antara 2020 hingga April 2022 ketika pengurusan COVID-19, tidak dapat digunakan, menyebabkan kerugian dianggarkan RM13.07 juta.

Turut dikesan adalah lebihan alat pelindungan peribadi (PPE) yang ketara dengan nisbah penggunaan antara 2.2 peratus



Dr Zaliha merasmikan Wellness Hub Hospital Sultanah Aminah di Johor Bahru, semalam.
 (Foto Nur Aisyah Mazalan/BH)

dan 3.1 peratus, masing-masing membabitkan sarung kasut dan sut PPE, berbaki 3.08 juta pasang sarung kasut dan 0.84 juta helai sut PPE.

Proses melengkapkan data

Mengenai perkembangan Kertas Putih perolehan vaksin COVID-19, Dr Zaliha memaklumkan, pasukan kerja masih dalam proses melengkapkan semua data dan maklumat berkaitan perolehan vaksin ketika darurat pandemik.

"Selepas siap, kita akan terus bentang kepada Kabinet dan kemudian jika dapat kelulusan, akan bentang di Parlimen. Belum ada jangka masa ditetapkan untuk Kertas Putih ini dibentangkan ke Dewan Rakyat kerana kita masih dalam proses lagi.

Pada 9 Februari lalu, KKM mengumumkan penubuhan

pasukan kerja bagi merangka Kertas Putih perolehan vaksin COVID-19, bagi memastikan ketelusan urusan berkenaan yang dibuat semasa tempoh darurat akibat penularan pandemik.

Dr Zaliha dilaporkan berkata, dokumen itu bagi memberi gambaran secara komprehensif mengenai pengurusan perolehan vaksin berkenaan dengan meneliti tatacara perolehan yang dilakukan bagi memastikan ketelusan demi manfaat rakyat keseluruhan.

Terdahulu, pembentangan Kertas Putih itu diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang turut membabitkan kos-kos berkaitan perolehan vaksin, yang sebahagiannya dipercayai tidak mengikut peraturan serta ditandatangani tanpa persetujuan Jabatan Peguam Negara.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : LOKAL

Hospital Cyberjaya mantapkan operasi

Shah Alam: Hospital Cyberjaya yang beroperasi sejak tiga bulan lalu masih dalam proses memantapkan perkhidmatan secara berperingkat.

Susulan itu Jabatan Kesihatan Negeri Selangor memohon orang ramai menggunakan fasiliti kesihatan berhampiran bagi kes biasa bertujuan mengelakkan kesesakan.

Pengarah Kesihatan Selangor, Datuk Dr Sha'ari Ngadiman berkata, Hospital Cyberjaya mula beroperasi pada 11 November lalu secara berperingkat bermula dengan perkhidmatan kecemasan, Obstetrik & Ginekologi, Pediatrik dan Pé-



DR Sha'ari

rubatan Am.

"Sehingga kini, Hospital Cyberjaya beroperasi dengan tambahan beberapa perkhidmatan lain seperti Pembedahan Am, Patologi, Radiologi dan Anestesiologi.

"Jabatan Farmasi juga sudah membekalkan ubat-ubatan mengikut perkhidmatan disediakan.

"Orang awam boleh mendapatkan perkhidmatan di Hospital Cyberjaya melalui Klinik Pakar dan Jabatan Kecemasan," katanya, semalam.

Bagaimanapun, katanya, Jabatan Kecemasan Hospital Cyberjaya akan memberi keutamaan kepada kes kecemasan dan kritikal.

"Sehubungan itu, pihak hospital memohon kerjasama orang ramai supaya menggunakan fasiliti kesihatan berhampiran untuk rawatan kes biasa dan bukan kecemasan bagi mem-

bantu mengurangkan kesesakan di Jabatan Kecemasan," katanya menerusi ciapan Twitter.

Justeru itu katanya, sebarang usaha ke arah penambahbaikan penyampaian perkhidmatan di hospital ini sentiasa dialu-alukan dan akan dipertimbangkan sewajarnya.

"Orang ramai digalakkan untuk mengemukakan sebarang maklumbalas atau cadangan melalui Unit Perhubungan Awam Hospital Cyberjaya di emel aduanhcj@moh.gov.my," katanya mengulas tular berhubung isu penolakan pesakit di Hospital Cyberjaya pada 10 Februari lalu.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 17

RUANGAN : LOKAL

Laini tiada tapi matanya hidup

Wanita maut kemalangan 'derma' kornea



KAKITANGAN HQE memberikan penghormatan terakhir kepada Laini yang meninggal dunia di Hospital Ranau akibat kemalangan. Gambar kecil mendiang Laini.

Oleh Izwan Abdullah
am@hmetro.com.my

Kota Kinabalu

Seorang wanita tempatan yang meninggal dunia akibat kemalangan jalan raya baru-baru ini, menjadi penderma organ kedua dilaporkan di Sabah tahun ini.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKNS) Datuk Dr Rose Nani Mudin berkata, penderma berkenaan, mendiang Laini Lakat, 60, disahkan meninggal dunia di Hospital Ra-

nau, baru-baru ini.

Beliau berkata, mendiang mendermakan sepasang kornea yang kemudian didermakan kepada dua pesakit mata melalui pembedahan transplan yang dilakukan Hospital Queen Elizabeth (HQE) di sini.

"Keluarga mendiang memaklumkan kepada pihak hospital mendiang pernah berhasrat menderma organ selepas pemergiannya dan seluruh ahli keluarga terdekat menyokong hasrat murni itu.

"Kes ini kemudian diru-

juk ke Pusat Sumber Transplan Sabah, HQE untuk penilaian kesesuaian, pengurusan logistik dan koordinasi pendermaan," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Rose Nani berkata, pendermaan sepasang kornea mata kemudian disempurnakan di HQE dan pembedahan transplan kornea turut berjaya dijalankan ke atas dua penerima transplan di hospital sama.

Beliau turut menyeru agar orang ramai tampil mendaftar sebagai pengikrar penderma organ me-

lalui aplikasi MySejahtera dan memaklumkan hasrat itu kepada ahli keluarga terdekat.

Pada Januari lalu, seorang penderma lelaki berusia 38 tahun menjadi individu pertama mendermakan organ di Sabah pada tahun ini.

Mendiang Corpermas Gugkang yang disahkan meninggal dunia melalui pengesanan mati otak di HQE turut menderma sepasang kornea yang kemudian ditransplan kepada dua penerima pada 10 dan 11 Januari lalu.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 19

RUANGAN : LOKAL

TATACARA PEROLEHAN DARURAT**KKM teliti isu hanya 28 ventilator diterima boleh digunakan**

Johor Bahru: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan meneliti isu hanya 28 daripada 136 ventilator yang diperolehi kementerian melalui tatakara perolehan darurat dari 2020 hingga 2022 boleh digunakan.

Menteri Kesihatan, Dr Zailha Mustafa berkata, taklimat mengenai isu itu juga sudah disampaikan pegawai kementerian kepadanya, baru-baru ini.

"Mengenai isu ventilator itu, saya sudah dimaklumkan pegawai KKM menerusi taklimat. Kita ambil maklum isu ini dan akan lihat sama juga seperti perkara lain termasuk perolehan vaksin Covid-19.

"Ini kerana perolehan ventilator berkenaan diperolehi ketika darurat, di mana kita boleh lakukan pembaikan perkara itu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Wellness Hub Hospital Sultanah Aminah (HSA) di sini, semalam.

Hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan Johor, Ling Tian Soon, Ketua Setiausaha KKM, Datuk Harjeet Singh dan Pengarah Kesihatan Johor, Datuk Dr Aman Rabu.

Jumaat lalu, Ahli Parlimen Bandar Kuching, Dr Kelvin Yui, dilaporkan



Mengenai isu ventilator itu, saya sudah dimaklumkan pegawai KKM menerusi taklimat. Kita ambil maklum isu ini dan akan lihat sama juga seperti perkara lain termasuk perolehan vaksin Covid-19"

Dr Zailha Mustafa

menggesa kerajaan mengambil tindakan terhadap mereka yang bertanggungjawab atas pembelian 108 ventilator rosak yang menelan belanja kerajaan sebanyak RM13 juta.

Manakala Khamis lalu, Laporan Ketua Audit 2021 Siri 2 mendedahkan hanya 28 daripada 136 ventilator yang diperolehi Pharmaniaga Logistics untuk Kementerian Kesihatan dari 2020 hingga 2022 boleh digunakan.

Kerajaan dilaporkan tidak boleh menuntut RM13 juta yang dibelanjakan terhadap peralatan rosak itu kerana tiada perjanjian ditandatangani dengan Pharmaniaga kerana perolehan dilakukan bawah 'tatakara perolehan darurat.'



DR Zailha (lima dari kiri) melawat fasiliti dan perkhidmatan yang tersedia selepas Majlis Perasmian Wellness Hub Hospital Sultanah Aminah (HSA). - Gambar NSTP/NUR AISYAH MAZALAN

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 4
 RUANGAN : NEGARA



DR. ZALIHA (dua dari kanan) melawat kemudahan di Wellness Hub Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru semalam.

Kertas putih lebih kepada penambahbaikan

Bukan cari salah kerajaan terdahulu

Oleh KHAIRUL MOHD. ALI

JOHOR BAHRU – Penubuhan Jawatankuasa Kertas Putih oleh Kementerian Kesihatan (KKM) berhubung perolehan vaksin Covid-19 bukan bertujuan mencari salah laku pentadbiran terdahulu, sebaliknya untuk melakukan penambahbaikan.

Menterinya, Dr. Zaliha Mustafa berkata, ini kerana perolehan vaksin dibuat ketika negara berada dalam keadaan darurat.

"Kita telah tubuhkan jawatankuasa untuk lihat sudut penyediaan Kertas Putih pembelian vaksin. Pada masa sama, kita juga lihat beberapa perkara yang boleh ditambah baik selepas mendengar pembentangan Prosiding Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC).

"Ia bukan bertujuan untuk melihat kesilapan atau kesala-

han, tetapi lebih kepada mencari cara terbaik yang lebih berintegriti untuk memastikan ada juga keuntungan di pihak kerajaan.

"Kita faham, perolehan itu dilakukan pada waktu darurat, tetapi mungkin ada beberapa perkara yang boleh kita titik beratkan," katanya selepas menyempurnakan majlis perasmian Wellness Hub Hospital Sultanah Aminah (HSA), Johor Bahru di sini semalam.

Sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mendedahkan terdapat keraguan dalam perolehan vaksin Covid-19 dan kos berkaitan ketika tempoh pandemik.

Dr. Zaliha memberitahu, pihaknya akan melakukan penambahbaikan terhadap prosedur pada masa depan bagi memastikan sebarang perolehan dibuat telus dan tidak berlaku

ketirisan khususnya melibatkan dana awam.

Katanya, KKM akan mengambil serius laporan dikeluarkan Laporan Ketua Audit Negara bagi mengenal pasti kelemahan yang boleh diperbaiki pada masa depan.

Tambah beliau, laporan Kertas Putih itu akan dibentangkan kepada Kabinet terlebih dahulu sebelum diluluskan untuk dibentangkan di Parlimen.

"Kita belum ada jangka masa yang ditetapkan, kerana ia sedang dalam proses, namun kita akan buat perkara itu secepat mungkin," ujarnya.

Dalam pada itu, Dr. Zaliha memberitahu, pihaknya telah ambil maklum laporan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2021 Siri 2 berhubung 93 daripada 136 unit ventilator yang diperolehi kerajaan tidak dapat digunakan, mengakibatkan kerugian RM13.07 juta.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 13

RUANGAN : NASIONAL

'Bukan cari salah kerajaan terdahulu'

Kertas putih vaksin Covid-19 akan dibentang secepat mungkin

Oleh ZULHISHAM ISAHAK
JOHOR BAHRU

Pasukan kerja yang ditubuhkan Kementerian Kesihatan (KKM) bagi merangka kertas putih perolehan vaksin Covid-19 baru-baru ini, bukan untuk mencari kesalahan kerajaan terdahulu yang bertanggungjawab dalam urusan berkenaan semasa tempoh darurat akibat penularan pandemik.

Sebaliknya jelas Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa, tujuannya bagi melihat sudut penyediaan dokumen dan aspek penambahbaikan.

"Kita akan melihat juga beberapa perkara yang kita boleh

tambah baik, mungkin daripada apa yang kita telah dengar dan termasuk laporan yang sudah dibentangkan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) sebelum ini.

"Ia (langkah ini) bukan untuk melihat mana-mana kesilapan atau kesalahan tapi keluarkan satu cara terbaik dan lebih berintegriti serta memastikan ada juga keuntungan daripada pihak kerajaan dan sebagainya.

"Dokumen ini (dikeluarkan) waktu darurat, mungkin ada perkara-perkara yang perlu dititikberatkan," katanya selepas Majlis Perasmian Wellness Hub di Hospital Sultanah Aminah (HSA) di sini pada Ahad.

Pada 9 Februari lalu, Dr Zaliha mengumumkan penubuhan pasukan kerja berkenaan bagi memastikan ketelusan urusan perolehan vaksin.

Menurutnya, dokumen itu bagi memberi gambaran secara komprehensif mengenai pengurusan perolehan vaksin tersebut dengan meneliti tatacara



Dr Zaliha (lima dari kiri) mendengar penerangan dari pegawai selepas Majlis Perasmian Wellness Hub HSA di Johor Bahru pada Ahad.

perolehan yang dilakukan bagi memastikan ketelusan demi manfaat rakyat keseluruhan.

Dr Zaliha berkata, KKM memberi jaminan bahawa Kertas Putih perolehan vaksin Covid-19 itu akan dibentangkan ke Dewan Rakyat secepat mungkin selepas disiapkan.

Jelasnya, ketika ini pasukan kerja bagi merangka kertas putih tersebut masih dalam proses melengkapkan semua data dan maklumat perolehan vaksin Covid-19 yang diperolehi ketika darurat dilaksanakan.

"Belum ada jangka masa yang ditetapkan untuk kertas

putih itu dibentangkan ke Dewan Rakyat kerana kita masih dalam proses lagi.

"Namun ia akan dilakukan secepat mungkin. Jika siap, kita akan terus bentangkan kepada kabinet dan kemudian jika dapat kelulusan akan dibentangkan di Parlimen," jelas beliau.

FOTO: BERNAMA

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 25

RUANGAN : NEGERI

Penduduk pulau peranginan itu tidak perlu lagi ke Rompin atau Mersing untuk bersalin

Pusat bersalin di Pulau Tioman cetusan idea Agong

ROMPIN

Kewujudan pusat bersalin di Klinik Kesihatan Tekek, Pulau Tioman di sini, merupakan cetusan idea dan titah Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

Perkara itu dimaklumkan Pengarah Kesihatan Pahang, Datuk Dr Nor Azimi Yunus pada taklimat beliau sempena lawatan kerja Seri Paduka ke Pulau Tioman pada Ahad yang turut melibatkan kunjungan ke klinik kesihatan tersebut.

Turut berangkat, anakanda Seri Paduka iaitu Tengku Panglima Raja Tengku Amir Nasser Ibrahim Shah dan Tengku Arif Bendahara Tengku Muhammad Iskandar Ri'ayatuddin Shah.

Dr Nor Azimi berkata, Seri Paduka bertitah demikian semasa mencemar duli ke Pulau Tioman pada Mac tahun lepas, selepas disembah maklum bahawa semua kelahiran anak penduduk berlaku di luar pulau.

"Seri Paduka telah menitahkan supaya diwujudkan pusat

bersalin bagi memudahkan penduduk Pulau Tioman untuk bersalin di sini, dan tidak perlu bersusah payah ke Rompin atau Mersing (Johor)," katanya.

Turut hadir Timbalan Menteri Kesihatan, Luknismawati Awang Sauni; Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah dan Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail.

Sempena kunjungan itu, Al-Sultan Abdullah berkenan menyempurnakan penyerahan ambulans pacuan empat roda sumbangan Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP), selain turut mencemar duli menyantuni tiga ibu mengandung yang bakal menjadi antara 'pesakit terawal' perkhidmatan pusat bersalin itu.

Dr Nor Azimi berkata, kewujudan pusat bersalin itu merupakan kerjasama antara MUIP, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan kerajaan negeri Pahang.

MUIP secara keseluruhannya menyumbangkan RM2.92 juta untuk Klinik Kesihatan Tekek, dengan RM2.37 juta adalah bagi



Al-Sultan Abdullah berkenan beramah mesra bersama ibu mengandung ketika mencemar duli ke Klinik Kesihatan Tekek, Pulau Tioman pada Ahad.

aset dan RM545,000 adalah peruntukan naik taraf bangunan klinik yang sudah beroperasi sejak 2003.

Buat masa ini, klinik itu dilengkapi 38 kakitangan pelbagai jawatan, selain turut mengelola tiga klinik desa iaitu di Juara, Genting dan Mukut, semuanya

di Pulau Tioman. Pada tahun lepas, klinik tersebut menerima kedatangan 4,580 pesakit dengan 35 peratus daripadanya adalah pelancong.

Selain perkhidmatan pesakit luar, kecemasan dan kesihatan ibu dan anak, Klinik Kesihatan Tekek turut menyediakan per-

khidmatan pergigian bermula Oktober lepas, selepas masing-masing seorang pegawai pergigian dan pembantu pembedahan pergigian ditugaskan secara kekal di situ.

Dr Nor Azimi berkata, semua fasiliti kesihatan di pulau itu dilengkapi talian internet jalur lebar MyGovNet selain KKM telah meluluskan pemasangan jalur lebar lebih stabil yang membolehkan konsultasi sidang video dilakukan bersama pakar, selain sistem pengurusan pesakit dilakukan secara digital.

Pada lawatan kerja itu, Al-Sultan Abdullah berkenan mendengar taklimat perancangan pembinaan masjid utama Pulau Tioman di tapak masjid sedia ada di Kampung Tekek, yang dapat memuatkan 761 jemaah, selain turut melibatkan pembinaan kuarters kakitangan.

Seri Paduka juga berkenan mengurniakan sumbangan kepada 41 penerima terdiri daripada penduduk Pulau Tioman sebelum mencemar duli berangkat ke Jamuan Rakyat di sebuah pusat peranginan di sini. - Bernama

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
 MUKA SURAT : 12
 RUANGAN : DALAM NEGERI

Kertas Putih: Bukan cari salah, tapi tambah baik

JOHOR BAHRU: Penubuhan Jawatankuasa Kertas Putih bagi meneliti perolehan vaksin Covid-19 bertujuan mencari cara terbaik untuk melakukan penambahbaikan dengan mengambil maklum ia dibuat ketika negara berada dalam keadaan darurat.

Menteri Kesihatan, Dr. Zaliha Mustafa berkata, penubuhannya bukan bertujuan mencari salah laku pentadbiran terdahulu.

"Kita tubuhkan jawatan kuasa untuk lihat sudut penyediaan kertas putih pembelian vaksin. Dalam masa sama kita juga lihat beberapa perkara yang boleh tambah baik selepas dengar pembentangan Jawa-

tankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC).

"Ia bukan bertujuan melihat kesilapan atau kesalahan tetapi lebih mencari cara terbaik yang lebih berintegriti bagi memastikan ada juga keuntungan pada pihak kerajaan.

"Kita faham perolehan itu dilakukan pada waktu darurat, tetapi mungkin ada beberapa perkara yang boleh kita titik-beratkan," katanya selepas merasmikan Wellness Hub Hospital Sultanah Aminah (HSA), di sini semalam.

Beliau mengulas perkembangan penubuhan jawatan kuasa kertas putih berkaitan perolehan vaksin Covid-19.

Dr. Zaliha berkata, laporan kertas putih berkenaan akan dibentangkan kepada Kabinet terlebih dahulu sebelum dibawa dalam sidang Parlimen.

Dalam pada itu, pihaknya telah mengambil maklum tentang Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2021 Siri 2 berhubung 93 daripada 136 unit ventilator yang diperolehi kerajaan tidak dapat digunakan sehingga mengakibatkan kerugian bernilai RM13.07 juta.

Sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mendedahkan terdapat keraguan dalam perolehan vaksin Covid-19 dan kos berkaitan ketika tempoh pandemik.



DR. ZALIHA MUSTAFA (dua dari kanan) melawat kemudahan yang terdapat di Wellness Hub Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : NEWS / NATION



Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah visiting expectant mothers at the Pulau Tioman Tekek health clinic yesterday. BERNAMA PIC

CONVENIENCE

Tioman maternity centre is king's suggestion

ROMPIN: The maternity centre at the Pulau Tioman Tekek health clinic is the brainchild of Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

State Health director Dr Nor Azimi Yunus said this in her briefing during His Majesty's working visit to the island yesterday, which included a stop at the health clinic.

Dr Nor Azimi said Al-Sultan Abdullah proposed setting up the maternity centre during his visit to Pulau Tioman last March after being informed that none of the

residents delivered their babies on the island.

"His Majesty ordered that a maternity centre be established here so that would-be mothers need not travel to Rompin or Mersing (in Johor)," she said.

During the trip to the island, Al-Sultan Abdullah was accompanied by his sons, Tengku Panglima Raja Tengku Amir Nasser Ibrahim Shah and Tengku Arif Bendahara Tengku Muhammad Iskandar Ri'ayatuddin Shah.

Present were Deputy Health Minister Lukanisman Awang Sauni, Health director-general

Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, Pahang Menteri Besar Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail and state executive council members.

Al-Sultan Abdullah handed over a four-wheel-drive ambulance donated by the Pahang Islamic Religious and Malay Customs Council (MUIP) and met three expectant mothers who would be among the first to use the centre's services.

The centre is a collaboration between MUIP, the Health Ministry and the state government.

Bernama

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 19

RUANGAN : LETTERS

HEALTHCARE

UPGRADE PUBLIC HEALTH SERVICES

IREFER to the report titled, "Seek non-critical treatment at clinics, public told", published in the *New Straits Times* last week.

It led me to conclude that many public hospital administrators and some at the Health Ministry do not understand or recognise the underlying reasons the rakyat rush to the emergency and trauma department to seek treatment.

Generally speaking, a majority of Malaysians do not have adequate knowledge to assess their own and

their loved ones' illnesses and sickness. Thus, they are unable to determine the seriousness of their condition. We can't expect laymen to diagnose themselves.

If someone is having continuous stomachache, he will rush to the hospital for fear that it could be appendicitis, which must be attended to urgently or it could be fatal.

The same goes for patients who experience high fever or chest pain. It could be dengue fever or a cardiac problem.

It is worse if the patient is an

infant, toddler or child. Which parent will wait to get treatment at clinics that will only open the next day?

Most patients who rush to the emergency department do so in the late evening, night or past midnight when all Klinik Kesihatan have closed for the day. Even private clinics would be closed. Not many operate 24 hours.

The other factor is, even if they can locate a 24-hour private clinic close to their home, most cannot afford the charges.

Thus, they have no alternative but to rush to public hospitals. We should be understanding of their predicament.

The crowding at public health facilities is not new. Medical and allied professionals are also tired or burnt out.

They have been overworked, underpaid and neglected for so long. Not to mention the effects of the fight against Covid-19.

Remember and value their incredible sacrifices during the pandemic. They gave their all at the

expense of their own safety, their families and their loved ones.

I am optimistic and confident that our prime minister, the health minister, the cabinet and the unity government will take the necessary and urgent steps to ensure public health services are back on track.

Let us bring back the golden era of our public health services that were the envy of many countries.

ROSLAN SHARIF
Bangi, Selangor

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

'White Paper on vaccine procurement not witch hunt'

JOHOR BAHRU: A White Paper being prepared on the procurement of Covid-19 vaccines is not being done to find fault with the previous administration but to improve the process in future, said Health Minister Dr Zaliha Mustafa.

She said the team preparing the White Paper would look at things that could be improved, from what was presented by the Public Accounts Committee earlier.

► Aim of report to improve purchase processes in future to ensure integrity and benefit to govt, says health minister

"It is not to look at the mistakes (of the previous government) but to come up with the best way, with more integrity, to ensure that it is

also beneficial to the government.

"We understand that the document (procurement) was done during an Emergency, but there

may be things we need to focus on," she said after the inauguration of the Sultanah Aminah Hospital Wellness Hub yesterday.

On when the White Paper would be tabled in Parliament, the Sekijang MP said it was still in the process of being completed and will be presented to the Cabinet before being tabled in the Dewan Rakyat.

Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim was quoted on Feb 8 as saying that the Health Ministry would present a White Paper on the procurement of vaccines and related costs as the procurement was allegedly partially non-compliant and signed by the minister without the attorney-general's approval.

On the Auditor-General's Report on the supply of faulty ventilators during the pandemic, which involved a loss of RM13 million, Zaliha said she had sought an explanation from the officials involved.

"I have been informed (about this matter). Officials have given me an explanation. We have taken note (about the ventilators) along with other things that were done during the Emergency, and will see where we can improve."

Last Thursday, the Auditor-General's Report stated that only 28 of 136 ventilators obtained by the Health Ministry through an emergency procurement procedure could be used, with the remaining 108 units unusable because they were not suitable and unsafe for use by patients, Bernama reported.

The Health Ministry had returned only 15 units to the manufacturer, while the claim for losses amounting to RM13.07 million for the other 93 units could not be done as there was no procurement document between the company and the ministry, according to the report.



Zaliha witnessing an exercise demonstration during the launch of the wellness centre yesterday. — BERNAMAPIC

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NATION

It is the King's idea to set up Tekek clinic maternity centre

ROMPIN: The maternity centre at Pulau Tioman Tekek Health Clinic was the brainchild of Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

Pahang health director Dr Nor Azimi Yunus highlighted this in her briefing during His Majesty's working visit to the island yesterday, which included a stop at the health clinic.

Dr Nor Azimi said His Majesty proposed the setting up of the maternity centre during his visit to Pulau Tioman in March last year, after being informed that none of the residents delivered their babies on the island.

"His Majesty ordered that a maternity centre be established here to facilitate mothers preparing for childbirth without having to travel to Rompin or Mersing (Johor)," she said in a Bernama report.

Sultan Abdullah was accompanied by his sons Tengku Panglima Raja Tengku Amir Nasser Ibrahim Shah and Tengku Arif Bendahara Tengku Muhammad Iskandar Ri'ayatuddin Shah.

Also present were Deputy Health Minister Lukanisman Awang Sauni, Health director-general Tan Sri Dr

Noor Hisham Abdullah, Pahang Menteri Besar Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail and Pahang executive council members.

At the event, Sultan Abdullah also handed over a four-wheel drive ambulance donated by the Pahang Islamic Religious and Malay Customs Council (MUIP) and met three expectant mothers who would be among the first to utilise the services at the maternity centre.

Dr Nor Azimi said the establishment of the maternity centre was a collaboration between MUIP, the Health Ministry (MOH) and the Pahang government.

Overall, MUIP contributed RM2.92mil to the Tekek Health Clinic, of which RM2.37mil covered the assets and RM545,000 was for upgrading works of the clinic building which has been operating since 2003.

Currently, the clinic is run by 38 personnel members of various positions who are also overseeing three other rural health clinics in Juara, Genting and Mukut on the island.

Last year, the Tekek Health Clinic attended to 4,580 patients, 35% of whom were tourists.

In addition to outpatient, emergency and maternal and child health services, the clinic also pro-



Royal visit:
The King talking to the expectant mothers at the Pulau Tioman Tekek Health Clinic.
— Bernama

vides dental services beginning last October, after a dental officer and a dental surgery assistant were permanently assigned there.

Dr Nor Azimi said all health facilities on the island were equipped with MyGovNet integrated telecommunications network and MOH had

approved the installation of a more stable broadband to enable video conference consultations in specialist care, adding that the patient management system was paperless.

During the visit, Sultan Abdullah was also briefed on plans to con-

struct a main mosque on Pulau Tioman at the existing site in Kampung Tekek, which can accommodate 761 worshippers.

His Majesty also presented donations to 41 Pulau Tioman residents before leaving for a community feast at a resort here.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NATION

Vaccine procurement findings to come out soon

By YEE XIANG YUN
xiangyun@thestar.com.my

JOHOR BARU: Examining the Covid-19 vaccine procurement process is not aimed at putting the blame on any party, says Dr Zaliha Mustafa.

The Health Minister said the task force that was formed to draft a White Paper on the vaccine procurement, which was done during the Emergency period, would conclude its findings soon.

"There is no set time frame for this, but it will be concluded as soon as possible.

"The report will be brought to the Cabinet for approval before it is presented in Parliament.

"We have heard the Public Accounts Committee presentation

on this matter. There could be certain areas of concern which we can look at.

"This is not to find fault but ways to improve the process with integrity," she told reporters after launching Hospital Sultanah Aminah's wellness hub here yesterday.

On Feb 10, Dr Zaliha said the White Paper, following the decision of a Cabinet meeting on Jan 18, would be presented in Parliament to provide a comprehensive overview of the management of the procurement of Covid-19 vaccines.

This was to address the findings of the Attorney-General's Chambers and the Legal Affairs Division of the Prime Minister's Department, which had conducted investigations

into the terms of the Covid-19 vaccine supply agreement, signed and carried out during the Emergency.

On a separate issue, Dr Zaliha said the ministry has been briefed on the Auditor-General's Report which highlighted the government losing RM13.07mil over the procurement of 93 defective ventilators.

"I have taken note of this and will be looking at ways to make improvements.

"Like many other procurements, it was also done during the Emergency period," she said.

On Feb 16, Auditor-General Datuk Seri Nik Azman Nik Abdul Majid revealed the losses incurred by the government in the report.



Improving the system: Dr Zaliha (in baju kurung) visiting the Wellness Hub at Hospital Sultanah Aminah. With her is Johor health and unity committee chairman Ling Tian Soon (fourth from left).

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : NATION

Organ donor gift of sight to two people

By STEPHANIE LEE
stephanielee@thestar.com.my

KOTA KINABALU: Two people have received the gift of sight after getting the corneas donated by an accident victim.

The 60-year-old victim, Laini Sukat (*pic*), had previously told her family of her intention to donate her organs when she died.

After she succumbed to her injuries following an accident in Ranau district last month, her family conveyed her wish to hospital staff, who then arranged for the transplant.

Sabah Health director Datuk Dr Rose Nani Mudin said Laini's corneas were retrieved and then given to two patients waiting for a transplant.

"We wish to thank the donor and her family for allowing us to do this, and for giving such a great gift to two people in need.

"We pray for strength for her grieving family, and may her soul rest in peace," she said in a statement yesterday.

She also expressed her gratitude for the assistance rendered by the Ranau police and Sabah Magistrates' Court for the procedure to

be carried out smoothly.

Dr Rose, who said the number of organ donors in Sabah was still low, encouraged people to sign up for the programme, which could be done via the MySejahtera application, among other channels.

"Fill up a form via MySejahtera and tell your family members about it, if you wish to become an organ donor," she said.

Dr Rose revealed that another person, the late Cospermas Gugkang, also had his corneas donated to two patients after his death last month.

Forever grateful for your act of love



Laini Sukat

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : VIEWS

Wonderful holistic palliative care

DESPITE being a postgraduate trainee in anaesthesia and intensive care and being familiar with medical matters, I struggled when dealing with the acute decline of my 92-year-old grandmother.

She had been healthy most of her life until tragedy struck in December 2022 when she fell and subsequently developed a blood-stream infection.

Though she was well enough to celebrate Christmas, she was in pain and her quality of life declined when she became bed-ridden.

Eventually she was diagnosed with heart failure and a lung infection. She struggled with pain and insomnia and lost her zest for life. She had effectively entered the terminal phase of her life, desiring an end to her turmoil.

I respected my grandmother's autonomy in refusing to be readmitted to hospital and looked

after her at her home in Ipoh with the support of the excellent domiciliary palliative care centre at the Kinta District Health Office.

Team members from the centre visited my grandmother at home and helped the family with the end-of-life process.

They assessed her and helped her by loaning her a home oxygen concentrator. They also gave comfort to the family, recognising the need not only to support the patient but a family in shock as well.

With their aid, my grandmother spent her remaining days with a degree of comfort that would not have been possible otherwise. We also had access to medications that helped ease symptoms of agitation, pain and breathlessness.

The palliative team even drafted letters to help working family members seek permission to be by my grandmother's side during initiation of end-of-life care. The

supportive care was wonderfully holistic.

The domiciliary unit is a relatively new service and I am grateful to Dr Albert, Dr Pothan, Sister Samsinar and PPP (Medical Assistant) Mary for standing by us. They work in partnership with the palliative team in Hospital Raja Permaisuri Bainun Ipoh under the Health Ministry.

While I couldn't change my grandmother's prognosis, I am grateful for the support and access to end-of-life care at zero cost. It is my desire that people are made aware of this service by the Health Ministry and will support this initiative to go above and beyond for all terminally ill patients (including non-cancer cases) and their families in Malaysia.

DR PRISCILLA MANYMUTHU
Hospital Counselor
Tuanku Muhriz